

## AYAT TUNGGAL DAN AYAT MAJMUK

### Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk

**AYAT TUNGGAL** : Ayat yang mengandungi SATU SUBJEK dan SATU PREDIKAT.

- Contoh : Mereka bermain bola sepak di padang.  
Beliau guru mata pelajaran Bahasa Melayu.  
Aini makan aiskrim di bawah pokok.

**AYAT MAJMUK** : Ayat yang terdiri daripada BEBERAPA AYAT TUNGGAL.

- Contoh : Pemain yang handal itu ialah Raju.  
David dan Wong berjalan ke bank.  
Murid itu berjalan sambil menyanyi.
- Ayat majmuk menggunakan kata hubung untuk menggabungkan atau mencantumkan ayat. Kata hubung yang digunakan seperti:





**Kemahiran 6.4**  
**Lembaran Kerja 3**

Bina ayat majmuk berdasarkan ayat tunggal yang diberikan.

1. Bapa Ravi beli sayur sawi.  
Bapa Ravi beli buah tomato.(dan)

---

2. Ravi suka makan sawi ?.  
Ravi suka makan tomato ?.(atau)

---

3. Ibu memotong buah tomato.  
Kakak memotong buah tomato.(dan)

---

4. Ibu masak sayur sawi.  
Ibu masak sayur tomato.  
Ibu masak sayur kubis.(dan)

---

5. Abang banyak makan.  
Abang kurus.(tetapi)

---

6. Buah tomato itu besar.  
Buah tomato itu segar.(dan)



### Latihan I

Gabungkan ayat-ayat tunggal di bawah dengan kata hubung yang diberi supaya menjadi ayat majmuk.

1. Ayah membaca surat khabar.  
Ayah menonton televisyen.

sambil

---

2. Hanita tinggal di Taman Aman.  
Suresh tinggal di Taman Aman

dan

---

3. Amran melayari internet.  
Amran mencari maklumat terbaru.

untuk

---

4. Kasut itu berwarna biru.  
Kasut itu sangat mahal.

yang

---

5. Kami terkejut.  
Kami terdengar bunyi letupan.

apabila

---

6. Halim kaya.  
Halim kedekut.

tetapi

---

7. Murid itu mengetuk pintu.  
Murid itu masuk ke dalam bilik darjah.

sebelum



---

Arahan: Pilih dan tarik kata hubung di tempat yang betul.

|      |        |        |
|------|--------|--------|
| dan  | sambil | kerana |
| lalu | atau   | supaya |

1. Setiap pagi Siti mengemas bilik \_\_\_\_\_ sentiasa kemas.
2. Dahlia memasak \_\_\_\_\_ mendengar radio.
3. Hadi mengetuk pintu bilik guru \_\_\_\_\_ masuk.
4. Ibu membawa adik ke klinik \_\_\_\_\_ adik demam.
5. Jamil \_\_\_\_\_ Jamal, adik-beradik kembar.
6. Basi hendak membeli kereta baharu. Dia keliru sama ada hendak membeli kereta Honda \_\_\_\_\_ kereta Proton.





- 1 Azhar pandai \_\_\_\_\_ dia rajin belajar.
- 2 Mei Lin \_\_\_\_\_ adiknya pergi ke rumah sepupu mereka.
- 3 Asmah bersenam \_\_\_\_\_ badan sentiasa sihat.
- 4 Suresh pandai menyanyi \_\_\_\_\_ menari.
- 5 Kakak mandi \_\_\_\_\_ membasuh kain di perigi.
- 6 Suraya menangis \_\_\_\_\_ anak patungnya hilang.
- 7 Nenek saya sudah tua \_\_\_\_\_ masih kuat bekerja.
- 8 Abang saya bukan peguam \_\_\_\_\_ doktor.
- 9 Leon suka makan ketam \_\_\_\_\_ udang.
- 10 Awak akan datang ke rumah saya esok \_\_\_\_\_ lusa?
- 11 Kamal tidak ke sekolah \_\_\_\_\_ kerja rumahnya tidak siap.
- 12 Nathan menutup pintu \_\_\_\_\_ menguncinya.
- 13 Pak Haji seorang yang kaya \_\_\_\_\_ suka menolong orang.
- 14 Kok Leong \_\_\_\_\_ saya ialah sahabat baik.
- 15 Natasya \_\_\_\_\_ Karisma murid tahun satu.